

KEMENTERIAN LUAR NEGERI MALAYSIA
(MINISTRY OF FOREIGN AFFAIRS MALAYSIA)
WISMA PUTRA
No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2
62602 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8887 4000
Fax : 03-8889 1717
Telex : MA 33259
Telegram : "WISMA PUTRA"
Laman Web : www.kln.gov.my

Ruj : (050) PSM 202/1/3-2 Jld. 2
12 Mei 2009

Kepada : Seperti di **Lampiran A**

Tuan / Puan,

PENGAMBILAN SECARA "WALK-IN INTERVIEW" DI KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman tuan/puan, Kementerian Luar Negeri sedang melaksanakan pengambilan secara terus atau "walk-in interview" bagi jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 (Kontrak) di Kementerian Luar Negeri.

3. Sehubungan dengan ini, Kementerian Luar Negeri berhasrat untuk mempelawa para graduan yang berkelayakan daripada Institut Pengajian Tinggi untuk memohon jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 (Kontrak) melalui pengambilan secara "walk-in interview". Bersama-sama ini disertakan maklumat mengenai pengambilan secara "walk-in interview" di **Lampiran B** untuk rujukan tuan/puan selanjutnya.

4. Kementerian Luar Negeri memohon kerjasama tuan/puan untuk memanjangkan maklumat mengenai pengambilan secara "walk-in interview" ini kepada para pelajar di Institut Pengajian Tinggi masing-masing.

5. Perhatian dan kerjasama tuan/puan yang sewajarnya dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(SHAIFUL ANUAR MOHAMMAD)

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri


semua dokumen permohonan yang telah
diperoleh hendaklah dialamatkan kepada:

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN LUAR NEGERI
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER
MANUSIA
WISMA PUTRA
NO 1, JALAN WISMA PUTRA
PRESINT 2
62602 PUTRAJAYA MALAYSIA
(U.P. : URUS SETIA URUSAN
PENGAMBILAN "WALK IN-INTERVIEW")**

barang pertanyaan bolehlah dikemukakan
lalui *email* : recruitment@kln.gov.my atau
melalui telefon. Bahagian Pengurusan
Manusia di talian 03-8887 4000.



Disediakan oleh :
**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Luar Negeri
12 Mei 2009**



LATAR BELAKANG:

Proses pengambilan secara 'Walk In-
Interview' telah dimulakan pada bulan
Februari 2008 yang lalu.

Urusan pengambilan tersebut merupakan
cadangan YAB Perdana Menteri yang telah
dikemukakan sewaktu pembukaan
Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan
Malaysia pada tahun 2007 di Kuala Lumpur.

Lanjutan daripada itu, Mesyuarat Jemaah
Menteri pada 4 April 2007 telah memutuskan
agar proses pengambilan berkenaan dikaji
dengan terperinci oleh Jabatan Perkhidmatan
Awam (JPA), Suruhanjaya Perkhidmatan
Awam (SPA) serta Kementerian Luar Negeri
(KLN).

Hasilnya, keputusan dan ketetapan seperti berikut telah dibuat :

A. Urusan pengambilan secara 'walk-in' di KLN hendaklah mempunyai proses yang sistematik dan mengekalkan prinsip-prinsip asas perkhidmatan awam iaitu **peranan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam** sebagai **Pihak Berkuasa Melantik**; dan

B. Lantikan secara 'walk-in' akan dibuat secara **kontrak untuk tempoh setahun** sebelum dilantik sebagai Penjawat Awam yang tertakluk kepada semua syarat-syarat dan ketetapan di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Melantik yang melibatkan SPA serta JPA.

NOTA

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berminat untuk membina kerjaya dalam perkhidmatan luar negeri adalah dipelawa untuk memohon jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 (Kontrak) dengan melayari laman web www.kln.gov.my.

MAKLUMAT JAWATAN PEGAWAI TADBIR GRED N41 (KONTRAK) DI KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Syarat Lantikan

A. Ijazah Sarjana Muda Keujian yang dikiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi luar negara/ tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred N41, **P1T3 RM 1871.18**); atau

B. Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang dikiraf kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi luar negara/ tempatan atau kelayakan yang setaraf dengannya (Gaji permulaan ialah pada Gred N41, **P1T4 RM 1961.63**); dan

Syarat - Syarat Tambahan :

C. Calon-calon yang memohon dengan Ijazah Sarjana Muda Keujian hendaklah memperoleh sekurang-kurangnya **CGPA 3.2 ke atas** atau yang setaraf dengannya;

D. Calon-calon yang mempunyai penguasaan **bahasa-bahasa utama dunia** seperti Arab, Perancis, Jerman, Sepanyol, Mandarin, Jepun dan Rusia akan diberi keutamaan ;

E. Umur calon semasa ditemu duga hendaklah tidak melebihi daripada 30 tahun;

F. Tempoh kontrak adalah untuk **satu (1) tahun** dan **tempoh perkhidmatan secara kontrak ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada prestasi kerja dan perakuan Ketua Jabatan**; dan

G. Calon-calon yang dipanggil untuk ditemu duga dikehendaki melalui "aptitude test"; Ujian Penguapan Awam (*Public Speaking*) di dalam Bahasa Inggeris (Wajib) dan Bahasa Asing (*Optional*) antara 3 hingga 5 minit.

Maklumat yang dikehendaki adalah:

I. *Curriculum-vitae*;

II. Dua (2) keping gambar berukuran pasport;

III. Salinan Sijil / Ijazah (dengan **Kepujian**) serta dokumen-dokumen sokongan; dan

IV. Sebuah karangan ringkas dalam bahasa Inggeris dengan tajuk "*Why I want to join the Ministry of Foreign Affairs, Malaysia*".